# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 45 | RABU 8HB. NOBEMBER, 1978. | رابو 7 ذوالحجة 1398 | PERCHUMA


## P'jaya Tinggi British yang baru tiba di-sini



Awang Arthur Watson.

**BANDAR SERI BEGAWAN. —Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei yang baru, Awang Arthur Christopher Watson dan Puan Watson telah tiba di-sini pada hari Isnin minggu ini.**

Awang Watson yang telah diumomkan oleh Pejabat Luar British untok menggantikan Awang J. A. Davidson yang telah menamatkan perkhidmatan-nya sa-bagai Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei dalam bulan Oktober yang lalu.

Ketibaan Pesurohjaya Tinggi British yang baru itu telah disambut oleh Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib dan lain2 pegawai2 kanan kerajaan.

Awang Watson lahir di-Kunming, China dalam tahun 1927 di-mana kedua ibu-bapa-nya merupakan pengembang ugama dengan Church Missionary Society dan mendapat didekan di-Sekolah Norwich dan Maktab St. Catherine, Cambridge.

Beliau memasoki Perkhidmatan Awam Seberang Laut dalam tahun 1951 dan berkhidmat di-Uganda sa-lama 11 tahun.

Dalam tahun 1963, beliau memasoki Pejabat Perhubongan Komonwel dan berkhidmat di-Karachi dan Lahore. Apabila pejabat2 luar dan Komonwel bergabong, beliau kemudian-nya di-lantek menjadi Councellor di-Jabatan Caribbean.

Dalam tahun 1971 beliau menjadi Pesurohjaya di-Anguilla dan empat tahun kemudian beliau di-lantek menjadi Gabenor di-Kepulauan Turks dan Caicos ia-itu jawatan yang paling akhir sa-belum di-lantek menjadi Pesurohjaya Tinggi di-Brunei.

Beliau mempunyai sa-orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan.

## KEJAYAAN DALAM PELAJARAN BUKAN SEMATA2 UNTOK BEKERJA DI-PEJABAT

PEKAN TUTONG.— Pemangku Setia Usaha Kerjaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Md. Taib, menyelar sikap kebanyakan dari masharakat kita yang beranggapan bahawa sa-seorang yang berjaya dalam bidang pelajaran dan pendidekan-nya maka hasil-nya akan terus meluru untok mendapatkan pekerjaan di-pejabat2 sa-umpama pekerjaan kerani yang tidak kamah oleh lumpur dan tangan tidak kasar berbelulang.

Anggapan demikian kata-nya ada-lah kurang tepat dan sangat terpesong dari tujuan pendidekan yang sebenar-nya.

Dato Setia Awang Abdul Rahman beruchap demikian ketika merasmikan upachara Hari Pelajar Seluroh Negeri yang telah di-lancharkan di-padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim pada hari Ahad, 5hb Nobember yang lalu.

Dato Setia Awang Abdul Rahman menambah kata, jika sa-bagai hasil dari kegiatan pelajaran itu akan timbul satu sikap dan dengan-nya kita akan dapat pula mengenali chita2 masing2, tentu-nya kita akan berjaya melaksanakan tanggong-jawab mendidek dan membangun bangsa.

"Kita tidak lagi galat untok berlumor lumpur, kita tidak lagi takutkan chahaya matahari dan kesejokan embun kerana kita sudah faham dan penoh menyedari bahawa semua ini ada-lah sumbangan bakti kita," jelas beliau.

Menyebut thema Hari Pelajar tahun ini sa-bagai 'PELAJARAN PENANAMAN MODAL NEGARA', Dato Setia Awang Abdul Rahman mensifatkan hari perlancharan itu ada-lah merupakan hari perkiraan dan penilaian sumbangan masing2 terhadap pendidekan untok kita berfikir sa-chara mendalam mengenai dengan maksud thema berkenaan.

Apa yang kita harapkan dari pelaboran pelajaran itu ia-lah pembaikan dalam kedudokan kehidupan kita, bagaimanapun beliau menjelaskan, bahawa perkembangan ekonomi dan sosial bukan-lah semata2 perkara yang di-ukor di-bilang dengan kemewahan material, maka kerana itu penanaman modal dalam

Lihat muka 16

### KEBERSEHAN DI-CHEMAR LAGI:

## SIKAP DEGIL DI-KESALI

### — Dato Dr. Haji Johar

BANDAR SERI BEGAWAN. —Sikap sa-tengah2 orang ramai yang tidak dapat mengekalkan "kesedaran pemberseh" dan mengulangi perbuatan2 membuang sampah sarap sa-suka hati ada-lah di-kesali oleh pehak berkuasa kesihatan.

Minggu Kesihatan yang baru saja selesai di-adakan dalam minggu lepas sa-olah2 hanya menggalakkan kawalan pembersehan untok minggu itu saja, tetapi apa yang sa-benar-nya ia-lah untok mengasoh dan menanamkan semangat orang ramai tentang betapa perlu-nya kebersehan di-jadikan satu amalan sepanjang hidup mereka.

Baru beberapa hari Minggu Kesihatan itu selesai, maseh terdapat kedegilan di-setengah2 kumpolan masharakat di-negeri ini terutama-nya di-Bandar Seri Begawan dan sekitar-nya dengan membuang sampah sarap di-tempat2 yang bukan di-khaskan.

Pehak berkuasa Kesihatan mendapati beberapa kejadian di-Bandar Seri Begawan terutama-nya di-kawasan Jalan Baru antara Mabohai dan Berakas, terdapat longgokan2 sampah sarap di-buang dengan sawenang2 di-tepi2 jalan tersebut padahal tempat pembuangan sampah di-kawasan itu terletak begitu dekat.

Pelita Brunei mengadakan beberapa tinjauan di-beberapa tempat dan mendapati sikap pemberseh maseh belum dapat di-kekalkan oleh sa-tengah2 orang ramai terutama di-kawasan2 kedai, bangunan2, perusahaan2 dan di-beberapa tempat lain-nya termasok di-jalan2 raya dan kawasan2 pembangunan.



Y.B. Dato Dr. Haji Johar

Pehak Berkuasa Kesihatan menyesali sikap yang demikian itu dan menganggap bahawa gulongan sa-umpama itu di-khuatiri akan menjadi puncha penchemaran sekitar Brunei.

Di-sepanjang Minggu Kesihatan yang baru lalu itu, antara kegiatan2 yang di-laksanakan termasok-lah usaha2 untok menanamkan kesedaran sivik di-mana orang ramai di-harapkan akan merasakan sama2 bertanggong-jawab supaya sekitar Brunei tidak di-chemari.

Mengulas kejadian2 itu, Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Dato Paduka Dr Haji Johar menyeru orang ramai supaya benar2 dapat menyedari hakikat tentang betapa perlu-nya masharakat negeri ini mengelakkan diri dari penchemaran2 yang akan membahayakan kesihatan.

Di-sepanjang Minggu Kesihatan di-lancharkan, kata-nya, sambutan orang ramai begitu meyakinkan dan kesedaran sivik telah di-zahirkan begitu rupa. Semua orang sa-olah2 sedar betapa kebersehan itu harus

Lihat muka 16

## Pelajaran sa-bagai pelaboran tenaga manusia

PEKAN TUTONG. — Thema Hari Pelajar tahun ini "Pelajaran Penanaman Modal Negara" bukan-lah merupakan suatu konsep baharu, tetapi ada-lah suatu pandangan yang meninjau pelajaran sa-bagai pelaboran tenaga manusia.

Ka-arah itu kerajaan Kebawah DYMM penoh perchaya akan perlu-nya memperuntokkan kewangan bagi tujuan membaiki dan memajukan pelajaran raayat-nya dengan jaminan bahawa sa-tiap anggota masharakat sekurang2-nya mempunyai asas pelajaran.

Beruchap bagi pehak Jabatan Pelajaran di-Upachara Pembukaan Rasmi Hari Pelajar Seluroh Negeri di-sini Ahad lepas, Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong berkata, pelajaran asas yang perchuma ada-lah mustahak kapada sa-buah negara membangun demi untok melahirkan anggota masharakat yang tidak sahaja hidup tetapi 'functional'.

Kata-nya, raayat negeri ini ada-lah bertuah dan beruntong kerana dengan kekayaan negara, dengan tinggi-nya kadar Pendapatan Kasar Negara, kita telah dapat menekmati anugerah peruntokan pelajaran yang begitu besar.

Awang Haji Abu Bakar menjelaskan pada sa-puloh tahun lepas peruntokan pelajaran hanya berjumlah $16 juta dan lima tahun lepas meningkat kapada $30.7 juta manakala tahun ini meningkat lagi kapada $75.5 juta yang tidak termasok dalam Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun bagi pembenaan bangunan2 sekolah dan rumah2 guru yang menelan belanja lebeh $50 juta.

Menjelaskan pelajaran perchuma yang di-nekmati oleh kanak2 di-negeri ini, Awang Haji Abu Bakar berkata, ia-nya tidak terbatas satakat persekolahan rendah sahaja malah meliputi kapada pemberian di-bahagian menengah manakala bagi mereka yang berkebolehan dan berkelayakan berpeluang untok mendapatkan kelulusan2 iktisas.

Lihat muka 16

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

8HB NOBEMBER, 1978

## PERALEHAN YG MENCHABAR KEUPAYAAN

PERTAMBAHAN pendudok negeri kita yang sudah menjangkau jumlah lebeh 200 ribu orang ketika ini dengan jelas menunjokkan suatu kepadatan pendudok yang menggalakkan sejajar dengan pertambahan yang sedang berlaku dalam pertumbohan dan perkembangan ekonomi negara yang menuju kemajuan-nya.

Tidak shak lagi pertambahan demikian ada-lah sa-bahagian besar-nya di-dorong oleh kebanjiran orang2 luar yang semata2 untok menchari rezeki di-bumi Darussalam ini sedangkan pertambahan yang di-akibatkan oleh kelahiran dalam negeri tidak begitu besar.

Jelas-lah dengan pertambahan itu juga dalam tempoh satu dekad sejak tahun 1968, jumlah pendudok yang ada ketika itu hanya sa-jumlah 119,280 orang, maka ini menunjokkan pertambahan berlaku hampir 70 peratus dari jumlah keramaian tahun 1968 yang menjadikan ka-angka 201, 260 orang tahun ini, ia-itu bertambah 10,900 orang dari tahun 1977 (5.7 peratus dari jumlah 190,360 orang, 1977).

Kemasokan orang2 luar terutama dari negara2 jiran yang berjumlah sa-ramai 6,110 orang (3.2 peratus kurang sedikit dari peratus pertambahan yang berlaku dalam tahun 1977, 4.8 peratus), maka dari jumlah itu sa-bahagian besar-nya terdiri dari golongan belia yang berumor antara 20 hingga 29 tahun dengan keramaian 52.2 peratus.

Mungkin kita semua sedia maklom bahawa tenaga luar yang menchurah masok saperti yang di-chatetkan itu ada-lah pada sa-bahagian besar-nya terdiri dari mereka yang tidak mempunyai kemahiran yang tinggi dalam berbagai bidang pekerjaan (skill labour), jelas-lah mereka chuma berupaya memenohi sumber tenaga buroh yang sa-pantas-nya anak negeri ini sendiri berkemampuan untok mengisi.

Jika demikian-lah hal-nya ada-lah sangat mendukachitakan bagi mashararakat kita sendiri yang tidak mahu memikul apa yang tenaga luar itu pikul. Lain-lah hal-nya jika kebanjiran orang2 luar itu terdiri dari mereka yang tergolong dalam jumlah apa yang di-katakan 'Brain Drain' ka-negara2 membangun yang mana keadaan demikian negara kita sangat sedikit mempunyai manusia sa-umpama itu dan ia-nya sangat2 di-kehendaki.

Kita tentu bersetuju yang masaalah kebanjiran dari sumber tenaga demikian pasti akan dapat kita kurangkan lagi di-tahun2 akan datang (memang sudah berlaku kekurangan imigran tahun ini yang hanya menjangkau 3.2 peratus dari tahun lalu) andai-nya tenaga belia yang ada dari anak tempatan berkesanggupan mengambil aleh kerja2 tenaga luar itu.

Perkara ini patut kita perhitungkan dari sekarang memandangkan yang negara kita dari sa-tahun ka-sa-tahun sentiasa memperoleh kemajuan dalam meningkatkan pendapatan negara yang berpuncha dari sumber minyak mentah. Saperti yang kita ketahui tahun ini negara kita telah memperolehi kelebehan dari hasil dagangan ekspot kapada $1,759 juta ia-itu melebehi $335 juta dari tahun lalu.

Justeru itu bukan-lah bererti usaha pengambilan aleh demikian kita akan memboikot orang2 luar untok tidak bekerja di-negeri ini, tetapi biar-lah usaha kita itu bertujuan agar kemakmoran yang telah di-chiptakan oleh negara kita akan benar2 di-nekmati oleh raayat negeri ini sendiri, bak kata pepatah 'kamana lagi kuah akan tumpah kalau bukan ka-atas nasi' dan 'langit mana lagi yang hendak kita junjong jika bukan dari bumi yang kita pijak'.

Mudah2an belia dan beliawanis yang berumor sa-hingga 24 tahun yang berjumlah 115,350 orang dan mereka yang berumor 25 hingga 44 tahun sa-ramai 51,940 orang yang terdiri dari anak negeri ini akan bersedia mempunyai sikap sa-bagai 'belia pengerak kemajuan negara' agar kemakmoran negara kita tidak akan tumpah ka-mana2, dan mudah2an akan tidak timbul lagi ungkapan "Penganggoran di-kalangan belia".



SA-BAHAGIAN Pelajar2 perempuan kelas membentras buta huruf permulaan yang mengambil bahagian dalam peraduan menyuchok benang ka-lobang jarum.



PENOLONG Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Haji Abdul Hamid bin Othman bersama para jemputan sedang memerhatikan pemeran Urusan Rumah Tangga.

## Penuntut2 Dewasa menerima sijil

JALAN MUARA. — Sa-ramai 35 orang pelajar2 kelas dewasa Sekolah Melayu Tanah Jambu dan Sekolah Melayu Mentiri telah menerima Sijil2 Perdagangan Trengkas dan Menaip. Penyampaian sijil2 tersebut ia-lah kemunchak bagi Temasha Ria khas bagi pelajar2 dewasa di-kedua2 sekolah yang telah berlangsong di-Sekolah Melayu Tanah Jambu di-sini pada hari Jumaat lalu.

Mereka ada-lah pelajar2 yang telah lulus di-dalam pepereksaan Sijil Perdagangan Trengkas dan Menaip Institute Malaysia yang di-adakan pada bulan Jun tahun lepas.

Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Penolong Penyusun Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran, Awang Haji Abdul Hamid bin Othman yang juga terdahulu dari itu telah membuka rasmi temasha yang di-langsongkan pada hari itu.

Enam orang pelajar yang lulus dalam pepereksaan membentras buta huruf sama juga menerima sijil2 mereka.

Temasha tersebut ada-lah di-anjorkan bersama oleh pelajar2, guru2 dan Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran Brunei. Lebeh daripada 40 orang pelajar lelaki dan perempuan telah turut serta.

Berbagai kemajuan pelajar samada melalui kegiatan2 di-dalam mahu pun di-luar bilek darjah telah pun di-perlihatkan melalui berbagai peraduan dan pameran di-temasha tersebut.

Peraduan kepentasan menaip, membacha, menulis dan mengurus rumahtangga di-samping beberapa achara sokan kechil ada-lah antara yang menarek perhatian para penunton pada hari itu.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 2hb Nobember, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.
2. ASAM GELUGOR — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.
3. KACHANG DAL — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   (a) A.M. Mohammad Ali Maricar,
   No. 87, Jalan Chevalier.
   (b) A. Muthian,
   No. 9, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sharikat M. Haji,
   No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. ASAM GELUGOR — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Koh Kit Hin,
   No. 28, Jalan Pretty.
3. KACHANG DAL — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   S. S. Sa'adiah,
   No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.

**SERIA**

1. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kim Huat,
   No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. ASAM GELUGOR — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   A. Muhamed,
   No. 66, Jalan Bunga Kenanga,
3. KACHANG DAL — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 8hb hingga 14hb Nob. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 8.11.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 8.11.1978 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 8.11.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | *11.11.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | *11.11.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | *11.11.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | *13.11.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | *13.11.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 14.11.1978 | Selasa | 8.30– 9.00 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 14.11.1978 | Selasa | 10.30–11.30 „ |

**Peringatan :** *11hb Nobember, dan 13hb Nobember chuti Hari Raya Haji (sa-bagai ganti Hari Ahad 12hb Nobember)

# HEALTH WEEK A SUCCESS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Acting Director of Medical and Health Services, Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin has expressed his appreciation to all government departments, voluntary organisations, commercial firms and members of the public for their role in making Health Week a great success.

Dato Dr. Haji Johar urged everyone to continue making Brunei a cleaner, healthier place to live in.

During Health Week observed from October 23 to 28 clean-up campaigns, a food hygiene seminar and a breast feeding promotion campaign were organised throughout the State.

## S.E. Asia Photo Show

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa last Saturday declared open the Fifth Brunei South East Asia Salon of Photography at the exhibition room of the Language and Literature Bureau here.

The salon was organised by the Photographic Society of Brunei as part of His Highness the Sultan's thirty-second birthday celebrations.

It attracted nearly nine hundred slides, mono chrome prints, and colour prints representing the works of one hundred and sixty photographers from fourteen countries including Australia, Macau, Hong Kong, the Philippines, New Zealand, Thailand, Malaysia and Singapore.

Thirty of the photographers including three locals won gold medals and best entry awards.

The three lensmen were Wilson T. K. Lai who won a gold medal and the local best entry award in the slide and colour print sections, Shim Geat Leong whose entries in the slide sections got him a gold medal and the local best entry award, and Kenneth K. S. Mah who won the local best entry award in the mono print section.

About three hundred and twenty-five of the slides and prints are now on display at the same venue until November 14.

## Three attend meeting in Sri Lanka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei is being represented at a meeting of the drug law enforcement agencies in Sri Lanka by three officials.

They are the Controller of Immigration, Dato Awang Haji Mohammad Ali bin Haji Mohammad Daud, the Assistant Superintendent of Customs, Awang Yusof Agaki bin Haji Ismail and the Police Deputy Officer in Charge of Crime, Superintendent Awang Yaakub bin Pehin Maharaja Diraja Awang Haji Zainal.

The six-day meeting started on Monday and is being attended by some twenty-two countries in Asia and observers from the International Narcotics Control Board, Interpol, the Colombo Plan Bureau and the Customs Cooperation Council.

## Livestock disease in Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Agriculture Department has imposed a ban on the import of all livestock, poultry and livestock produce from Peninsular Malaysia following an outbreak of the highly infectious food-and-mouth disease in the country.

The Department has also cancelled all permits issued for the importation of livestock and poultry from Peninsular Malaysia.



"Early To Work" is what P. G. Chang of Hong Kong entitled his mono print that won him a gold medal.



## Report birth or death within prescribed time

BANDAR SERI BEGAWAN. — Births and deaths must be registered within the prescribed time.

This reminder was contained in a statement issued last week by the Registry of Births and Deaths which said that failure to do so without reasonable excuse can lead to a fine of up to fifty dollars on conviction under the Birth and Death Registration Enactment.

The statement said birth should be registered within fourteen days after the date of birth of the child.

Death should be registered within twelve hours, excluding time taken for the journey or of any intervening hours of darkness, after the death has occurred.

A notary from the Ketua Kampong and the treatment card, if the deceased has ever been brought to hospital for treatment, must be taken along when making the registration.

In both cases, the informants should be relatives or occupants of the houses in which the births or deaths occur.

## Symposium on role of chemical sciences on development

BANDAR SERI BEGAWAN. —The Brunei Chemical Society is holding a symposium on "The Role of Chemical Sciences In the State's Development" this Sunday, November 12 at 9.15 a.m. at the Churchill Memorial Lecture Theatre here.

The President of the Society, Awang Majid bin Abdul Rahman, said the symposium has been specifically organised to promote interest in the practical application of chemical sciences and their role in both government departments and private sector.

Awang Majid said two guest speakers from Singapore who are experts in their fields have been specially invited to address the symposium.

They are Professor Kiang Ai Kin of the Nanyang University and Dr. Lawrence Chia of the Singapore University.

The symposium is sponsored by Royal Brunei Airlines and the Brunei Shell Petroleum Company Limited.

## Brunei wins trophy, medals

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei won a trophy and two silver and bronze medals at the recent International Tang-Soo-Do Championships held at Watford near London.

Eight members of the National Tang-Soo-Do Association returned home last week after taking part in the championships.

The Brunei team led by Father Philip Tan, was one of nine teams from various countries including the United States, Australia, Germany and France which participated in the championships.

The picture on the left shows Brunei's Francis Yong, who won this contest, in action against his Greek opponent.

## GOODWILL VISIT TO KUCHING

BANDAR SERI BEGAWAN.—A delegation comprising members of the State Youth Council will leave Brunei today for a three-day goodwill visit to Kuching.

The forty-member delegation is led by the SYC President, Awang Haji Jaya bin Haji Abdul Latif.

During their stay in the Sarawakian capital, they will visit several places of interest including the State Assembly building, museum and factories.

They are also scheduled to make courtesy calls on the Yang Dipertua Negeri and other leaders and will be briefed by among others the SEBERKAS Association.

Members of the delegation will also play a series of friendly matches against local teams.

## Endurance walk for eighteen

GADONG. — A group of eighteen police officers and men of the Reserve Unit last week completed an endurance walk from Panaga in Seria to the Police Headquarters here.

The journey which began on Wednesday took them through tough terrains, hills, rivers and swamps.

Led by the Belait Reserve Unit Commanding Officer Assistant Superintendent Haji Seruji bin Haji Shukor, the group arrived at the Police Headquarters on Friday.

The Reserve Unit carried out a similar exercise earlier this year.

## Chess championship

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei Chess Association is organising a chess tournament in conjunction with the signing next month of the new Anglo-Brunei treaty.

The tournament is open to all and will be held at the Youth Centre here on November 19 and November 26 at 9.00 a.m.

It will be played in five rounds on the 'Swiss System' with players being limited to half an hour each.

The tournament is for fifty people but should there be more than that number, preliminary rounds will be held.

Those interested in taking part in the tournament should get the entry forms from Pengiran Mohammad Limbang bin YAM Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Mohammad Yusof at the Pensions Dept., BSB; Awang Ibrahim bin Haji Ali at the PWD.; and Awang Somasundram at the Sixth Form Centre.

Entries close on November 13.




SA-LEPAS berchakap mengenai Communism dan penganut2-nya, saya kini mengaleh pula tulisan saya kapada tajok besar *QADIANI.*

Ajaran Qadiani munchol dalam kurun ke-19 dan di-asaskan oleh sa-orang yang bernama Mirza Ghulam Ahmad Qadiani. Mirza Ghulam Ahmad ini di-lahirkan di-Qadian sa-buah kampong dalam negeri India pada tahun 1839 M.

Pokok ajaran-nya mendakwa jadi *Nabi,* yakni menerima *Wahyu* daripada Allah s.w.t. melalui ilham. Dia juga mengaku diri-nya sa-bagai *'Isa Al-Masih* yang telah di-janjikan akan bangkit pada akhir zaman untok memimpin semula manusia ka-jalan yang lurus. Pengakuan Nabi palsu ini di-buat dengan berterang2an: *"Aku-lah Nabi yang mendapat perentah daripada Allah, dan aku berdosa jika menolak tanggong-jawab ini, sebab Allah yang melantek aku, kenapa-kah aku mesti menolak-nya?*

# QADIANI SESAT DAN KUFUR

## Siri ke-12

Dalam Persidangan Pertubohan2 Islam Sa-Dunia yang telah di-adakan di-Mekah Al-Mukarramah pada 6hb hingga 10hb April, 1974 di-bawah anjoran Rabitah Al-'Alam Al-Islami, yang di-hadiri oleh 140 pertubohan2 Islam, telah sa-bulat suara menganggap faham Qadiani itu sa-bagai sesat dan musoh yang amat merbahaya kapada dunia Islam. Sa-benar-nya orang2 Qadiani itu maseh lagi mahu mengatakan diri mereka kumpolan orang2 Islam. Oleh kerana itu-lah, suatu kenyataan telah pernah di-buat oleh Parlimen Pakistan, bunyi-nya: *"Bahawa sasiapa sahaja yang menjadi pengikut Mirza Ghulam Ahmad yang mengaku diri-nya menjadi Nabi, walau dengan apa pun mereka namakan diri mereka itu, ada-lah mereka BUKAN ORANG ISLAM".*

Senarai nama2 orang terkemuka yang mengemukakan kenyataan penting ini terdiri dari 37 orang, di-dahului oleh nama Maulana Mufti Mahmood, Maulana Abdul Mo'ti Al-Azhari, Maulana Shah Ahmad Noorani As-Siddeqi, Prof. Ghafur Ahmad dan lain2 lagi yang terdiri dari Ulama2 dan tokoh2 masharakat yang berpengaroh (lihat buku *Mauqiful Ummah Al-Islamiah Minal Qadianiah* yang di-terbitkan di-Pakistan).

Sementara sa-orang Pujangga Islam yang mashor, yang sukar mendapat tandingan-nya, Dr. Mohammad Iqbal telah menjelaskan dalam karangan2-nya, bahawa *faham Qadiani itu tidak lain dari suatu pemberontakan menentang kenabian Nabi Mohammad s.a.w., perchubaan yang nekad menentang Islam, suatu ugama dan umat yang tersendiri yang tidak ada kena mengena langsong dengan ugama dan umat Islam yang besar."*

Di-dalam Risalah *Statesman* beliau berkata pula: *"Bahawa aqidah atau asas memperchayai Muhammad s.a.w. sa-bagai penyudah segala Nabi ada-lah merupakan garis pemisah (line of demarcation) yang halus di-antara ugama Islam dan ugama2 yang lain. Walaupun ugama yang lain itu mengakui kenabian Nabi Muhammad, tetapi dalam satu masa yang sama juga ia berchakap tentang wahyu yang turun terus menerus. Ini ada-lah sesat. Jadi berpandukan kapada garis pemisah ini, dapat di-hukumkan mana golongan yang ada hubongan dengan Islam dan mana yang tidak. Dan sepanjang yang saya tahu, saya tidak jumpa dalam sejarah golongan Muslimin yang berani melangkahi garis ini. Orang2 Bahai di-Iran ingkarkan aqidah Nabi penyudah, tetapi berterus terang mengakui bahawa mereka ada-lah satu golongan yang tersendiri, golongan bukan Islam."*

Berbedza dengan kaum Qadiani, mereka tidak mahu mengaku terpisah dari golongan Muslimin, tetapi sebalek-nya m e n u d o h orang2 yang tidak memperchayai ajaran2 Qadiani itu sa-bagai pembohong, keluar dari ugama yang hak. Di-bawah ini saya sebutkan petikan2 karangan orang2 Qadiani sendiri, yang menjelaskan prinsip2 ajaran ugama Qadiani itu.

Dalam buku *Hakikat An Nubuwah* karangan Mirza Basbiruddin Mahmood Ahmad bin Mirza Ghulam Ahmad, khalifah yang kedua bagi orang2 Qadiani, muka surat (228) ada menyebut, *bahawa orang2 Islam yang perchaya tidak ada Nabi sa-lepas Nabi Muhammad itu ada-lah orang2 yang telah menganggap perbendaharaan Allah Ta'ala sudah habis, dan Allah itu seolah-olah tidak berkudrat lagi untok melakukan sesuatu. Oleh kerana itu,* tegas buku ini lagi, *aku sekarang berkata dengan tegas, bahawa bukan SA-ORANG Nabi sahaja, bahkan RIBUAN Nabi mungkin di-utus sa-lepas Muhammad.*

Dalam karangan yang lain, yang bernama *Anwar Khilafat* muka surat (62), Mirza Bashiruddin Mahmood Ahmad bin Mirza Ghulam Ahmad berkata pula: *"Walaupun di-letakkan pedang atas tengkok-ku dan di-minta supaya aku mengaku bahawa tidak ada Nabi sa-lepas Muhammad s.a.w., neschaya aku katakan kapada orang itu engkau dusta. Sesunggoh-nya ia ada-lah mungkin, dan bahkan pasti akan datang ramai lagi para Nabi sa-lepas Muhammad itu."*

Buku yang sama muka surat (65) menyimpulkan begini: *Demikian-lah Mirza Ghulam Ahmad Al-Qadiani telah membuka pintu kenabian itu, kemudian bangun dengan berani mendakwakan diri-nya sa-bagai Nabi, dan telah di-terima atau di-benarkan oleh golongan Qadiani tanpa ragu2 sa-bagai satu2-nya Nabi yang sa-benar-nya."*

Mirza Ghulam Ahmad sendiri dalam karangan2-nya saperti yang di-sebut dalam buku kechil, *Al-Harakat Al-Haddamah Al-Qadianiah* karangan bersama tiga orang Ulama, Abul Hassan Ali Al-Husni An-Nadwi, Abul A'la Al-Maududid dan Muhammad Al-Hasr Hussain, telah dengan terang2 mengaku diri-nya sa-bagai Rasul dan Nabi, katanya: *"Aku ada-lah sa-orang Rasul dan Nabi. Aku di-utus oleh Allah, dan aku akan berdosa jika enggan, sedang Allah telah menamakan diri-ku Nabi, bagaimana-kah aku dapat menolak-nya? Sesunggoh-nya aku akan memikul tanggong-jawab ini sa-hingga aku mati"* (pengakuan ini di-tulis oleh Mirza Ghulam Ahmad tiga hari sahaja sa-belum ia meninggal dunia. Tulisan ini di-tulis pada 23hb Mei, 1908 dan di-siarkan oleh *Akhbar 'Am* yang di-terbitkan di-Lahor pada 26hb Mei, 1908 —hari meninggal-nya.

Dalam *Aayinah Sadaqat Sidq* atau dalam bahasa Arab-nya *Mir'atus Sidq* atau *Chermin yang benar,* Mirza Bashiruddin telah menulis dalam muka surat (35): *"Tiap2 orang yang beriman dengan Nabi Musa tetapi tidak beriman dengan Nabi 'Isa, atau ia beriman dengan Nabi 'Isa tetapi tidak beriman dengan Nabi Muhammad tetapi tidak beriman dengan Al-Masih yang di-janjikan (Mirza Ghulam Ahmad), ada-lah orang sa-macham itu bukan sahaja ia kafir, tetapi tenggelam dan kekal di-dalam kekafiran dan keluar dari lingkungan Islam."*

Dalam tulisan-nya yang di-buat dalam Review of Religions muka surat (110), Bashiruddin Ahmad Al-Qadiani berkata pula: *"Bahawa orang2 Ahmadiyyin (pengikut2 Qadiani), semua-nya beriman dengan kenabian Mirza Ghulam Ahmad Alaihis Salam, dan tiap2 orang yang bukan dari golongan Ahmadiyyin ada-lah ia kafir sa-bagaimana dalam Al-Kor'an. Jadi tiap2 kekufuran itu, walaupun kufur kerana ingkarkan sa-orang Nabi sahaja, ada-lah ia tetap kufur."*

Demikian-lah bunyi ungkapan2 sesat orang2 Qadiani, insha Allah pada keluaran2 akan datang akan di-pungut lagi ungkapan2 lain untok tatapan kita sa-bagai mempelajari kekufuran Qadiani.

(Bersambong)



SALAH satu tarian yang di-persembahkan di-upachara pembukaan rasmi Hari Pelajar 1978 yang telah di-langsongkan di-padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, pada hari Ahad lalu.

# BERBAKTI KAPADA ALLAH




PERGOLAKAN umat Islam sepanjang sejarah, ia-lah berkisar pada menunaikan kewajipan mereka dengan sempurna selaku umat yang di-kehendaki berbakti kapada Allah, atau terdapat golongan yang menchuaikan tanggong-jawab itu, dengan sedikit pun tidak memikirkan akibat2-nya. Golongan pertama ia-lah golongan yang memelihara ugama, yang rebah bangun-nya mengharapkan keredhaan Allah. Sementara golongan kedua ia-lah orang2 yang meringan2kan ugama, yang tidak faham meletakkan harga hidup selaku mukmin, bahawa harga mukmin itu ia-lah nilai amal dan taqwa.

Orang mukmin mempunyai ukoran atau timbangan suka dan benchi-nya menurut pedoman ugama. Mereka suka dan kaseh saperti kasehkan diri mereka sendiri terhadap orang2 yang taat mengerjakan perintah Allah. Dan tidak suka kapada orang2 yang melanggar batas2 ugama sekalipun keluarga mereka yang paling dekat. Firman Allah dalam surah Al-Mujadilah ayat 22 yang bermaksud: *"Tidak-lah engkau dapati orang2 yang benar2 beriman kapada Allah dan hari kemudian, mereka yang suka kapada orang2 yang melanggar batas2 Allah dan Rasul-Nya sekali pun orang itu bapa, saudara atau kaum keluarga-nya. Mereka itu-lah yang di-tetapkan iman-nya oleh Allah, dan menguatkan mereka dengan pertolongan serta di-masokkan-nya ka-dalam shorga yang mengalir sungai2 dari sabelah bawah-nya, mereka kekal di-dalam-nya. Allah suka kapada mereka itu dan mereka pula suka kapada Allah. Mereka itu-lah golongan yang menyebelahi Allah. Ketahui-lah, bahawa golongan yang menyebelahi Allah ia-lah golongan yang mendapat kemenangan"*

Allah menyebut golongan yang menyebelahi-Nya, ia-lah suatu sebutan penghormatan kapada orang2 mukmin, sebutan yang mulia yang tidak di-dapati oleh mana2 golongan lain. Menchari kemuliaan pada sisi Allah berkehendakkan sharat2 tertentu. Hanya orang2 yang tegoh, yang bersih hati dan kuat iman-nya sahaja yang berhak menerima kemuliaan tersebut. Sementara orang2 yang tidak suchi hati-nya, yang munafik, tidak akan menchapai darjat ini, kerana sebenar-nya mereka tidak tahu atau faham dimana jalan-nya.

Firma Allah Ta'ala; yang bererti:

*"Dan bagi Allah-lah kemuliaan itu dan bagi Rasul-Nya serta bagi orang2 yang beriman, tetapi orang2 munafik tidak-lah mengetahui-nya".*

Sayugia wahai kaum muslimin! Kita orang2 Islam patut-lah memahami konsep kemuliaan yang menjadi idaman semua orang. Tetapi kemuliaan bagi orang2 Islam tidak chukop dengan menchapai ketinggian di-dunia, sedang kedudokan di-sisi Allah tidak pernah di-ambil berat. Pada hal ini-lah sepatut-nya yang wajib lebeh dahulu di-pastikan. Kedudokan kita itu ia-lah mendapat keredhaan daripada-Nya, dan keredhaan itu pula hanya akan di-dapat dengan amal saleh, dengan ibadat yang ikhlas yang tidak ada tolak ansor dalam perkara ta'at, yaani wajib menta'ati segala perintah2-Nya. Apabila ini ada kapada sa-orang muslim, maka bermakna kedudokan-nya di-sisi Allah sudah dapat di-jelaskan, kerana Allah berjanji kapada hamba-Nya yang ta'at dengan janji kemuliaan di-dunia dan di-akhirat, sesunggoh-nya Allah itu maha menepati janji-Nya.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8hb Nobember, 1978 hingga ka-hari Selasa 14hb Nobember, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8hb Nob. | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.22 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 9hb Nob. | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.22 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 10hb Nob. | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.22 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 11hb Nob. | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 12hb Nob. | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 13hb Nob. | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 14hb Nob. | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Bala dan petaka satu ujian Allah

DI-MASA akhir2 ini kita selalu mendengar berita2 darihal negeri2 dan manusia yang di-timpa mala-petaka, mala-petaka itu kadang2 berupa kemarau yang panjang, ribut-taufan, angin puting beliung, dan sekarang di-tambah pula dengan penyakit taun, berperang dan bermusoh2an sa-hingga kehilangan jiwa dan rumah-tangga dan sa-bagai-nya, dan berbagai2 lagi peristewa yang sedeh dan dukachita.

Berita2 ini begitu mudah sampai ka-pengetahuan kita ia-lah kerana negeri2 dan orang2 yang terlibat itu ada-lah hampir dengan kita, tegas-nya di-negeri2 jiran kita sendiri. Dan ini di-bantu lagi dengan kemudahan media atau alat perhubongan yang ada sekarang ini.

Apabila kita mendengar peristewa tersebut, maka terbayang kapada kita betapa ngeri dan dahshat-nya keadaan itu. Di-hati kita terbit perasaan takut dan mengharapkan supaya kejadian sa-rupa itu jangan berlaku dan menimpa ka-atas diri kita. Dan di-samping itu terchetus-lah perasaan kasehan dan simpati kita terhadap mereka yang mendapat malang itu.

Bagi kita orang2 mukmin peristewa2 tersebut tidak lain dan tidak bukan ada-lah sa-bagai ujian dan chobaan serta amaran dari Allah supaya kita sedar dan bersabar saperti yang telah di-firmankan-Nya dalam surah Al-Baqarah ayat 155 — 156 yang kira2 bermaksud:

*"Sesunggoh-nya Kami uji kamu dengan berbagai2 perchobaan saperti ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, kehilangan jiwa dan kehilangan buah2an dan beri-lah khabar gembira kapada orang yang bersabar, ia-itu orang2 yang apabila di-timpa musibah (matapetaka) terus berkata:*

انالله وانااالله راجعون

*yang erti-nya kita ini kepunyaan Allah dan kita tetap akan kembali kapada-Nya."*

Sa-benar-nya kalau kita renongkan kesah2 yang terkandong di-dalam ayat2 tadi, nyata-lah bahawa kedatangan bala itu ada mempunyai tujuan2-nya yang tertentu.

Antara-nya ia-lah untok menyedarkan manusia dari kelalaian terhadap perentah Allah dan rasul-Nya, sesudah mereka melakukan berbagai kedzaliman dan aneka maksiat, kerana manusia menurut tabi'at-nya, akan lupa perentah Tuhan-nya jika ia terus-menerus dengan tidak di-uji dan di-choba, lebeh2 lagi kalau manusia itu senantiasa di-dalam keadaan senang lenang bertambah2 lagi-lah lupa-nya kapada perentah2 Allah. Lazim-nya dengan sebab di-bala-kan oleh Allah itu maka timbol-lah perasaan insaf dan sedar pada diri mereka sebagaimana yang telah di-gambarkan oleh Allah di-ayat 126 dalam surah At-Taubah yang kira2 bermaksud:

*"Ada-kah tidak melihat mereka itu bahawa mereka di-timpakan mala-petaka pada2 tiap2 tahun, sekali atau dua kali dengan kemarau atau penyakit, kemudian mereka tidak bertaubat? Dan mereka tidak mengambil pelajaran lagi?"*

Tentu sekali tidak patut lagi bersikap lupa kapada Allah sesudah di-timpakan bala. Jika maseh lupa lagi bererti-lah mereka benar2 orang yang tidak mahu kapada kebahagiaan dan kemakmoran.

Dan lagi di-antara bala atau mala-petaka itu di-turunkan ia-lah kerana Allah kaseh kapada hamba2-Nya yang ta'at, maka untok menambahkan lagi darjah mereka, lalu di-uji dan di-choba dengan berbagai2 chobaan bagaimana yang di-sabdakan oleh Nabi s.a.w. yang kira2 bermaksud:

*"Yang paling terok menerima ujian Allah ia-lah Nabi2 Allah, kemudian orang2 yang sa-umpama-nya, saperti para ahli-ulama dan orang2 yang saleh, saseorang itu di-uji menurut kadar iman-nya. Jika iman-nya kuat, keras-lah ujian-nya, sa-balek-nya jika iman-nya tipis, di-uji menurut kadar-nya."*

Maka jelas-lah sa-tiap bentok petaka yang di-turunkan oleh Allah itu sa-benar-nya memileki muslihat atau tujuan2 yang tertentu. Maka dalam menghadapi sa-barang perchobaan dari Allah itu kita mesti-lah bersabar di-samping berhati2 dan beringat2 bagi menghindarkan sebarang kemungkinan yang boleh membangkitkan kemurkaan Allah.

## Bingkisan minggu ini

# Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pemuda China, Chim Kong, 23 tahun, berasal dari Simunjan, Sarawak baru2 ini telah memelok ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri. Dia kini di-kenali sa-bagai Hussin bin Abdullah.

Sementara itu sa-orang gadis Dusun, Rohaniah bte Puchok, 21 tahun berasal dari Kampong Rambai, Tutong telah memelok ugama Islam pada 28hb Oktober, 1978. Majlis pengIslaman-nya telah berlangsong di-rumah Sgt Md Nor di-Kampong Pancha Delima, Berakas. Dia kini di-kenali sa-bagai Rohaniah binte Abdullah.

Pada 31hb Oktober satu lagi majlis pengIslaman telah berlangsong di-rumah Awang Sharbini bin Abu Bakar, No. 77, Kampong Sungai Siamas, Bandar Seri Begawan, bagi sa-orang pemuda Iban, Lionel anak Ampoi, 21 tahun, berasal dari Saratok, Sarawak. Lionel memileh nama Islam-nya sa-bagai Sufri bin Abdullah.

Ketiga2 orang saudara baru Islam itu telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan sa-orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Ahmad bin Abdul Razak.



**PELAJAR2 Kelas Dewasa Tanah Jambu ketika menyertai salah satu achara sokan dalam Temasha Ria yang telah di-adakan pada hari Jumaat lalu.**

# KAWALAN BAGI PENYAKIT YANG BERJANGKIT MELALUI AYER DAN MAKANAN

AYER dan makanan ada-lah bahan utama untok kehidupan kita, tetapi "ayer dan makanan" boleh merosakkan kesihatan kita jika kawalan tidak mendapat tempat yang semesti-nya.

Berikut ia-lah tulisan Dr. K.L. Louis, Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan Kuala Belait berhubong dengan jangkitan2 penyakit melalui makanan dan ayer.



TERDAPAT beberapa kuman, virus dan penyakit parasit yang mana makanan dan ayer ada-lah jalan2 utama bagi jangkitan ini. Ini sa-benar-nya ada-lah jangkitan melalui najis kerana jangkitan makanan dan ayer biasa-nya berlaku dari najis2 yang mengandongi kuman. Penyakit yang paling merbahaya sekali ia-lah kolera. Negeri Brunei telah bernasib baik kerana bebas dari penyakit kolera dari sejak tahun 1970, sunggohpun semua negeri2 jiran di-jangkiti penyakit ini di-sepanjang tahun itu dan beberapa bulan yang lalu. Kejayaan ini ada-lah kerana taraf para perkhidmatan2 kesihatan awam yang tinggi di-negeri. Typhoid dan para typhoid ada-lah juga penyakit2 yang merbahaya yang berjangkit melalui makanan. Di-sini juga, Brunei jika di-bandingkan dengan negara2 lain ada-lah terselamat. Dalam tahun 1977 hanya satu kes typhoid dan dua kes para typhoid di-laporkan. Tetapi kita maseh belum berpuas hati. Lain2 penyakit berjangkit melalui makanan ia-lah saperti penyakit dalam perut (gastro-enteritis), chirit birit dan makanan berachun ada-lah puncha2 utama penyakit dalam masharakat kita. Dalam tahun 1977, 41 peratus dari semua penyakit berjangkit yang di-laporkan ada-lah dalam kumpolan ini. Dua kejadian makanan berachun baharu2 ini yang mengakibatkan kehilangan beberapa jiwa maseh dalam ingatan kita. Ada-lah di-fikirkan bahawa banyak kes2 yang mempunyai tanda2 yang tidak berat tidak di-laporkan.

Chara yang berkesan bagi mengawal dan menchegah penyakit yang berjangkit ini hendak-lah di-fahami dengan sapenoh-nya. Najis sa-seorang yang mengidap penyakit dan pembawa yang tidak nampak apa2 tanda tentang ada-nya penyakit; mengandongi sa-jumlah besar kuman yang menyebabkan penyakit. Ini ada-lah kuman yang sangat halus yang tidak dapat di-lihat dengan mata kasar. Kuman ini memasoki tuboh orang lain melalui makanan dan ayer yang kotor. Jangkitan boleh berlaku sa-chara langsong, di-sebabkan pembuangan najis yang tidak tentu, chara2 pembuangan sampah sarap yang tidak selamat. Kuman2 penyakit boleh di-bawa melalui jari2 atau melalui lalat2 dan serangga2 di-sebabkan kekurangan kebersehan perseorangan dan keadaan kebersehan am yang sangat burok. Kuman yang masok ka-dalam bahagian perut membiak dan mengeluarkan tanda2 dengan chara2 biasa pada usus2 atau melalui toxin. Tanda2 biasa menunjokkan penyakit ini ujud ia-lah muntah2 dan chirit birit. Kuman yang di-keluarkan melalui najis pesakit ada-lah boleh membahayakan kapada orang lain.

Penchegahan penyakit yang berjangkit melalui makanan dan ayer terutama-nya bergantong kapada pembuangan sampah sarap dan najis yang selamat, minum ayer yang berseh serta kebersehan makanan dan perseorangan.

*Pembuangan Kotoran yang Selamat*

tanda2 yang di-salorkan dengan ayer ada-lah yang lebeh sesuai bagi pembuangan najis manusia. Sistem saloran najis awam sedang di-gunakan di-semua bandar2. Kemudahan2 ini sa-patut-nya di-gunakan bagi kepentingan sa-penoh-nya. Jangkitan najis yang bermula dari ayer dan makanan saberapa boleh-nya hendak-lah di-elakkan.

*Pembuangan Sampah Sarap*

Semua sampah sarap terutama-nya sampah2 dari dapor dan rumah yang chepat menjadi busok hendak-lah di-masokkan ka-dalam tong2 sampah yang tertutop bagi mengelakkan pembiakkan lalat2 dan serangga. Jika tidak, sampah2 boleh juga di-bakar atau di-tanam.

*Ayer Minum yang asli (berseh)*

Ayer paip yang di-bekalkan kapada orang ramai sa-lepas di-bersehkan di-jentera2 penapisan ada-lah selamat. Ayer yang di-dapati dari tempat2 lain boleh di-anggap mempunyai kotoran. Chara2 yang paling selamat ia-lah dengan memasak semua ayer minuman.

*Langkah2 Am Kesihatan*

Kebiasaan kebersehan persendirian dan sikap yang baik ada-lah chara asas-nya dalam penchegahan. Orang2 yang mengendalikan makanan dalam semua hal mesti-lah menjaga supaya makanan2 itu tidak di-jangkiti oleh kuman2 di-sebabkan kelalaian atau kechuaian. Tangan hendak-lah di-chuchi berseh2 sa-belum mengendalikan makanan dan juga sa-lepas menggunakan tandas. Pengendali2 makanan di-kedai2 makan mempunyai tanggongjawab yang khusus dalam perkara ini. Kuku2 jari hendak-lah sentiasa di-potong pendek. Pakaian kerja dan tuala2 tangan hendak-lah di-gunakan.

*Kebersehan Makanan dan Dapor*

Makanan hendak-lah di-jaga dari menjadi basi dan dari binatang2 dan kutu2 pada sa-tiap perengkat pengeluaran, penyimpanan, pembahagian, persendirian dan mengerjakan-nya. Makanan2 yang di-bekukan hendak-lah di-simpan pada darjah yang di-tetapkan dan jika ia-nya di-chairkan, tidak-lah boleh di-bekukan semula.

Sa-berapa yang boleh, makanan hendak-lah jangan di-pegang dengan tangan. Penggunaan penyepit, sendok, garpu, chandas dan sebagai-nya ada-lah di-shorkan. Ayer dan serbok penchuchi yang menchukopi mesti-lah di-sediakan di-dalam dapor bagi tujuan sa-barang menchuchian. Semua piring2 dan chawan2 yang retak dan pechah hendak-lah di-buang.

*Lindongan (kawalan) Persendirian*

Suntekan melindongi sa-seorang itu pada had tertentu, bagi menchegah penyakit2 saperti kolera dan typhoid. Tetapi ada-lah tidak bijak untok bergantong kapada suntekan sahaja dan mengabaikan dasar2 asas kebersehan dan kesihatan.

*Kebersehan persendirian Awam*

Terdapat peratoran2 kesihatan awam, mentadbir kedai2 makan dan pengendali2 makanan. Pengeluaran lesen2 bagi kedai2 makan dan pengesahan kesihatan bagi pengendali2 makanan ada-lah bertujuan untok mengawal kesihatan awam. Pengawasan ka-atas p··numpang2 antarabangsa dan pemereksaan ka-atas barang2 makan yang di-impot, ada-lah di-kuatkuasakan apabila perlu. Maaloman2 hendak-lah di-buat ka-atas penyakit2 yang di-tentukan dan peratoran2 pengasingan serta penghapusan kuman pada kes2 tertentu ada-lah bertujuan untok mengawal merebak-nya jangkitan2 ini. Pendidekan kapada orang ramai dalam hal2 kesihatan, akan membolehkan mereka memainkan peranan mereka dan kerjasama dengan pehak2 kesihatan dan masharakat untok menchegah dan sa-terus-nya menghapuskan penyakit2 ini di-kalangan kita.




## Ketua Kg Sumbiling Lama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan perlantekan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Musa bin Hitam sa-bagai Ketua Kampong Sumbiling Lama di-Daerah Brunei-Muara. Lantekan tersebut bermula 1hb Nobember, 1978.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Haji Musa telah menjalankan tugas2 Ketua Kampong Sumbiling Lama sejak 1hb Februari, 1978 berikutan kembali-nya karahmatullah Ketua Kampong tersebut, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim bin Md Salleh.



SATU rombongan sa-ramai 36 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam Maktab Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara, bahagian GEOGRAPHY SOCIETY yang di-ketuai oleh guru mereka Awg R.G.P. Claydon telah mengadakan lawatan ka-Steshen Pertanian Luahan, Jerudong pada 19hb Oktober yang lalu.

Mereka telah di-alu2kan oleh Pengurus Steshen tersebut Awang Abd Aziz bin Saat serta di-beri penerangan mengenai usaha2 yang di-jalankan di-steshen itu. Mereka juga telah di-bawa melawat di-sekitar kawasan tanaman rumput dan pembiakan ternakan (gambar atas).

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 8HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Devil in the Dark"
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 RICH MAN POOR MAN — Episod ke-17
Kerjaya politik Rudy akan musnah oleh usaha Estep untok memburokkan nama-nya dalam Senate.
7.22 AZAN ISHA
7.26 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.00 BEWITCHED — "A Prince of A Guy"
Tabatha mengeluarkan Prince Charming yang mengganggu jemuan makan malam Samantha.
8.30 MAJALLAH BERITA
9.00 SHOW OF THE WEEK — "James Last Star Parade"
9.50 PERLAWANAN GUSTI
10.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 9HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS — "A Turned Turtle"
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 VALLEY OF THE DINOSAURS — sambongan
6.30 THE SECRET OF ISIS — "Now You See It"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HOW THE WEST WAS WON
7.22 AZAN ISHA
7.26 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.00 HIDAYAT
8.30 MAJALLAH BERITA
9.00 DOKUMENTARI MELAYU : Audubon Wildlife Theatre "Kenya Uganda Safari"
Filem ini di-gambar semasa pembunohan di-musim panas dalam perjalanan ka-Afrika dan menggambarkan kemunchak kehidupan liar di-sana. Berbagai jenis binatang yang berwarna-warni juga burong2 tropika di-gambarkan.
9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 10HB. NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL-KESAH — "Si Hitam" Bahagian 2.
5.45 CLOPPA CASTLE — "Spring is Sprung"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
Mari-lah ka-Mongolia dengan SAS.
6.07 AZAN MAGHRIB
6.13 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
6.30 THE MUPPETS
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 TELEMATCH
7.22 AZAN ISHA
7.28 TELEMATCH — sambongan
8.00 ODD MAN OUT
8.30 MAJALLAH BERITA
9.00 TAKBIR HARI RAYA HAJI
9.20 DAVID NIXON MAGIC SHOW
10.05 QUINCY — "Valley View"
10.55 NIGHT GALLERY
11.45 TAKBIR HARI RAYA HAJI
12.05 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 11HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ACHARA KEMUNCHAK PERTUNJOKKAN CIRCUS DARI ADEK BERADEK THE RINGLING DAN BARNUM DAN BAILEY.
5.30 THE LOST ISLAND — "Doomed"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 APOLLO FEATURE — "Cry Wolf"
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 APOLLO FEATURE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOCTORS' HOSPITAL
7.22 AZAN ISHA
7.26 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
8.00 MELODI ADEK-KU
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 KHATAMAL KOR'AN
9.55 GAMBUS HARI RAYA HAJI
10.40 PREMIER SOCCER
11.30 TAYANGAN MALAM SABTU : Filem Melayu
1.30 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 12HB. NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Lapangan Terbang".
5.45 DAISY DAISY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Nine Strikes, You're Out"
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 ATOM ANT — sambongan
6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "The Duel"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE INCREDIBLE HULK
7.22 AZAN ISHA
7.26 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.00 THE ROLF HARRIS SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUZIK MUZIK MUZIK
9.30 ANNA KARENINA — Episod ke-empat
Vronsky menonggang kuda dalam satu perlumbaan dan Karenin memerhatikan reaksi Anna dan semakin perchaya akan kechurangan Anna.
10.20 THE COLLABORATORS — "Kiss The World Goodbye"
11.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 13HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Inheritance"
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 LOU GRANT — "Cophouse"
7.22 AZAN ISHA
7.26 LOU GRANT — sambongan
8.00 KEBUN KITA — Lada Sulah
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
9.35 BAHAS — Ranchangan akhir sekolah2 Menengah Rendah (bahagian lelaki): Maktab SOAS lwn Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.
9.45 MUZIKA DRAMA : "Layu Sa-Belum Kembang"
10.05 BIG HAWAII "Sarah"
Sarah McBride ada-lah pengarah sabuah pusat yang memberikan perlindongan kapada gadis2 yang berada dalam kesulitan dengan undang2. Mitch mengshaki ia mungkin melindongi sa-orang pembunoh.
10.55 WINGS — "Welcome to France"
Alan menyeberangi terusan untok menemui sa-orang sahabat lama dan sa-orang musoh baru.
11.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 14HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.48 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — "The Hardy Boys and Nancy Drew Meet Dracula" — Bahagian kedua.
7.22 AZAN ISHA
7.26 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
8.00 SERIKANDI
8.30 MAJALLAH BERITA
9.00 ARENA SOKAN — Lumba Perlawanan Motorsikal berhalangan dll.
9.40 THE PROFESSIONALS — "Killer With a Long Arm"
10.30 DOCUMENTARY : World of Survival "Come into My Parlour"
11.20 SIARAN TAMAT.



SATU lagi siri baru akan dapat di-saksikan pada hari Isnin jam 7.10 malam dengan tajok LOU GRANT. Dalam episod pertama, "Cophouse", Lou Grant berpindah ka-Los Angeles dan kembali bekerja dengan akhbar. Lou Grant, bekas penyunting berita talivishen, mengambil aleh tanggong-jawab dengan Los Angeles Tribune dan mendapati ia terpaksa juga menghadapi masa'alah dalam perkerjaan-nya. Ia segera berusaha untok menyelesaikan beberapa masa'alah yang begitu mendesak sekali — salah satu daripada-nya ia-lah skandal kelakuan burok yang di-katakan berlaku di-jabatan polis yang mana nampak-nya di-selindongi oleh pemberita2 polis akhbar itu sendiri.
Ed Asnar yang berlakun sa-bagai Lou Grant.



**"DOCTORS' HOSPITAL"** pada hari Sabtu minggu ini jam 7.10 malam bertajok "But Who Will Bless Thy Daughter, Norah?" Dr Norah meraikan harijadi-nya yang ke-30 merasa bimbang sama ada penghidupan-nya sebagai doktor saraf akan merosakkan peluangnya untok memenohi penghidupan-nya sebagai sa-orang wanita. Ia mengancham untok meninggalkan Doctors' Hospital untok satu jawatan di-pejabat sebagai pengarah perubatan sa-buah pertubohan. Ia juga bimbangkan tentang hubongan perchintaan-nya dengan Dr Sam Taylor, sa-orang pakar jiwa yang telah berkahwin, saudara-nya Bill dengan perkahwinan-nya yang gagal dan menghadapi tudohan atas satu kesilapan terhadap sa-buah hospital.

Gambar atas: Siri ini di-bintangi oleh Zohra Lampert (Dr Norah Purcell) dan bintang tetap siri ini Richard Mulligan (Dr Sam Taylor) dalam satu adegan dari episod "But Who Will Bless Thy Daughter Norah?".

# RANCHANGAN KHAS UNTOK HARI RAYA HAJI

HARI JUMAAT, 10HB NOBEMBER

MALAM

9.00 Takbir

11.45 Takbir

HARI SABTU, 11HB NOBEMBER

PETANG

4.30 Achara kemunchak Pertunjokkan Circus 1977 persembahan dari adek beradek Ringling dan Barnum and Baily. Sepanjang persembahan ini Gene Kelly ia-itu pelakun, penari dan penyanyi terkenal menjadi juruachara.

MALAM

8.00 Melodi Adek-ku. Jangan lupa kapada awda yang tidak sempat menonton melodi adek-ku pada satu ketika dulu, akan menemui awda sekali lagi ia-itu persembahan nyanyian2 dari artis2 yang kechil saperti Dk Munira Pg Mohiddin dan Fauziah Haji Mohd Wahab dan adek2 yang lain.

8.45 Majlis Khatam Al-Qur'an, Ranchangan Khas untok Hari Raya Haji dengan Penuntut2 (Lelaki) Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang di-adakan mengambil sukut yang baik bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin Ibnu Sultan Mohammad Jamalul Alam.

9.55 Gambus Hari Raya Haji. Dalam ranchangan ini sa-bahagian besar dari lagu2 yang akan di-nyanyikan ada-lah berchorak dakwah. Ini ada-lah bersesuaian dengan umat Islam yang akan merayakan hari yang penoh sejarah itu. Saperti juga ranchangan lain, ranchangan gambus ini tidak kurang dari mengemukakan muka2 baru dalam dunia seni suara. Mereka memang sudah lama menyanyi tapi ada di-antara mereka yang ini-lah kali pertama mereka munchul di-talivishen. Antara penyanyi2 itu ia-lah Saridah Ibrahim, Marlina Pengarah Haji Mokti, Yahya Tuah, Noriah Nordin, Mahale Awang Besar dan Kumpulan Sukma Irama. Dan ranchangan ini juga tidak ketinggalan mengketengahkan sa-orang juruachara baru. Nama-nya Shamsiah Haji Abdi Manaf. Di-hari2 biasa Shamsiah bertugas sa-bagai sa-orang Penolong Penyunting. Dapat-kah Shamsiah menjuru-acharakan ranchangan ini dan berjaya-kah penyanyi2 baru itu menghiborkan awang dayang di-hari mulia itu?



GAMBAR di-atas ada-lah suasana di-Istiadat mengambori Beras Kunyit yang di-mulakan dengan menjunjong Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Ibnu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

HARI AHAD, 12HB NOBEMBER

MALAM

8.45 Muzik Muzik Muzik. Siri baru yang akan di-mulai pada hari2 sambutan ini. Siri2 ini akan mengandongi pasokan2 pancharagam yang paling baik di-Brunei. Di-dalam ranchangan pada malam ini satu pasokan pancharagam yang baru 'Lord Joe' akan mempersembahkan satu pertunjokkan talibishen yang memberi harapan yang baik. Irama2 yang akan mereka dendangkan ada-lah lagu2 kesukaan ramai dan yang paling "top" saperti "Papa", "When a child is born" dan "Siapa Gerangan-nya". Penyanyi2 utama ia-lah Jac Wong, Tony and Abdullah Zakiah dan kumpolan ini ada-lah di-ketuai oleh Tony Leong, dahulu-nya sa-orang ahli lama dari kumpolan yang di-kenali sebagai "Tony and The Farmers".

HARI ISNIN, 13HB NOBEMBER

MALAM

8.45 Muzika Drama — 'Layu sa-belum Kembang'. Peluang yang kedua untok menyaksikan salah satu ranchangan yang popular yang di-siarkan pertama kali pada Hari Raya.

HARI KHAMIS, 16HB NOBEMBER

MALAM

8.00 Hidayat. Mengandongi laporan khas mengenai upachara Korban.

## "Mari menjahit" dlm SERIKANDI

KAPADA peminat2 Serikandi sekalian, ranchangan menarek untok minggu ini siri baru Mari Menjahit. Dalam siri ini puan2 akan bersama Dy Salihah Haji Ahmad untok mempelajari chara2 memotong dan menjahit baju.

Pada puan2 yang meminati siri ini jangan lupa mengikuti siri I ruangan ini nanti, sementara itu kita akan di-bawa juga mengikuti petekan penggambaran wakil kami ka-rumah Dy Hjh Rafeah meninjau mengenai usaha beliau dalam bertukang perak.

Resepi minggu ini pula ia-lah Pegedil Daging Masala oleh Puan Mary Joseph, puan2 ingin nak menchoba-nya? Ini-lah resepi-nya: —

'PEGEDIL DAGING MASALA'

BAHAN2-NYA

1 kati daging di-rebus kemudian di-chinchang
1 biji bawang besar )
5 biji lada hijau ) di-kupas dan di-chinchang
Sedikit halia )
2 sudu teh garam masala (serbok kari)
3 biji ubi kentang di-rebus kemudian di-lichek
1 sudu teh cuka
Garam sa-chukup rasa
2 biji telor ayam
Serbok kari
Sedikit daun ketumbar dan daun kari.

PERATORAN-NYA

(1) Champor garam masala dengan sedikit ayer, kachau rata2.

(2) Panaskan minyak, goreng bawang hiris, lada dan halia, masokan garam masala kachau lagi.

(3) Kemudian masokkan daging chinchang, ubi kentang yang di-lichek dan garam, kachau rata2.

(4) Akhir-nya masokkan daun ketumbar, daun kari yang di-potong2 halus, dan sedikit chuka, kemudian sejokan.

(5) Bentok bulat2, masokkan dalam puteh telor yang telah di-pukol lebeh dulu, kemudian gaulkan dengan serbok roti, goreng dalam minyak yang panas, bila masak sejokan, atorkan dalam pinggan bujor, hias-lah mengikut kesukaan puan2.



PUAN Mary Joseph memberikan tunjok-achara memasak Pegedil Daging Masala.

## SAYANG ADEKKU SAYANG

MINGGU ini adek2 akan di-bawa oleh abang Ahad ka-Mongolia di-mana ia akan bercherita kapada adek2 berkenaan sa-orang adek yang bernama Toban yang sangat handal bermain chator. Toban bukan saja sa-orang anak yang taat setia kapada ayah-nya tetapi juga kapada kawan-nya. Kerana kepandaian-nya di-dalam berbagai2 bidang dia juga telah membuat jasa kapada orang ramai yang menderita. Satu pengajaran yang sangat berharga untok kita semua adek2. Jadi jangan lupa mengikuti isi cherita yang akan abang Ahad cheritakan pada hari Jumaat, jam 6.00 petang saperti biasa di-dalam ranchangan SAYANG ADEKKU SAYANG.

Juga dalam SAS minggu ini adek2 akan di-bawa oleh adek2 Eismadi dan Masjuita di-dalam ruangan SAYA MAHU. Ka-mana-kah mereka akan membawa kita? Antara lain juga adek2 akan di-hiborkan dengan SILAP MATA, KUIZ dan sa-bagai-nya.

## Odd Man Out

SATU siri komidi yang baru akan dapat di-saksikan pada hari Jumaat ini jam 8.00 malam.

Dalam episod pertama "A Chip Off The Old Block", Neville Sutcliffe meninggalkan kedai-nya yang menjual ikan dan ubi kentang goreng di-Blackpool untok membuat perjalanan ka-Little Hampton, di-mana ia telah mewarisi sa-bahagian lagi di-tinggalkan untok saudara tiri-nya. Saudara-nya, Dorothy, tidak begitu mengalu2kan kedatangan-nya apabila ia mendapat tahu bahawa bapa-nya telah meninggalkan untok-nya sa-bahagian dari rumah-nya dan overdraft yang banyak — Wilf the Factory Foreman dan kakitangan-nya chuba untok menolong, tetapi apabila masaalah kewangan melibatkan kilang itu, Neville datang membantu — segala2-nya dapat di-usahakan kembali dengan sa-penoh-nya dan Neville mendapati bahawa membuat gula2 ada-lah perniagaan yang melekat dan menyulitkan.

Pelakun utama Neville Sutcliffe di-lakukan oleh John Inman, di-kenali oleh penuntun2 Brunei sebagai Mr Humphries dalam ARE YOU BEING SERVED.

## World of Survival: "Come Into My Parlour"

RANCHANGAN khas ini di-maksudkan untok memboktikan, dan dengan menyakinkan sekali bahawa labah2 ada-lah chantek, menarek, chekap menchipta dan serba boleh. Mereka dapat membena jerat2 dengan kelopak mata-nya, menenun sarang2 untok menjerat mereka2 yang tidak hati2, memburu di-permukaan ayer. Dalam filem ini awda akan dapat menyaksikan pakar labah2 John Cooke, dengan pengetahunan dan chinta-nya pada labah2.

Bagaimana pun ia sendiri tidak begitu mengetahui berapa jenis-kah labah2 yang ada. Jenis2 baharu seringkali di-temui sepanjang masa. Filem ini juga menunjokkan berbagai chara yang menakjobkan bagaimana labah2 menangkap mangsa mereka, bagaimana mereka menchari kawan, berkelamin dan memelihara anak mereka. Mereka munchol dengan begitu berwarna-warni dan indah. Ranchangan ini memperlihatkan beberapa kenyataan yang ganjil dan hampir2 tidak dapat di-perchayai. Dari itu jangan lupa untok mengikuti siri dokumentari minggu ini dengan tajok "Come Into My Parlour" pada hari Selasa jam 10.30 malam.

## Night Gallery

APA pendapat awda tentang Night Gallery? Seronok-kah awda dengan cherita-nya? Pada hari Jumaat ini jam 10.30 malam, Rod Sterling akan memperkenalkan cherita yang lebeh menakutkan. Dalam "The Dark Boy", Mrs Timm, mendapat jawatan baharu sebagai guru sekolah di-sa-buah sekolah kechil di-daerah perkampongan, walau pun terdapat banyak amaran2. Apabila ia memulakan pekerjaan-nya, dengan serta merta ia terlihat bayang2an sa-orang budak lelaki yang hitam dan kechil. Ia merasa hairan lalu bertanya rakan2 yang tinggal sa-rumah dengan-nya, tetapi mereka chuba mengelakkan persoalan ini

Satu lagi kesah pada minggu ini bertajok "Keep in Touch... We'll think of Something", Erik Suttan bersunggoh2 untok menchari gadis dalam mimpi-nya, jadi-nya ia pun memberikan penerangan tentang gadis itu pada pehak polis atas alasan ia menyerang dan menchuri kereta.



HISHALMAH SHALDIN fro[m]
speaker: " . . . . they wear
they speak in women's voice
actually male chauvinists in

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



**PESERTA yang akan dapat giliran untok memileh lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Dayang Siti Zaiton binte Omar yang beralamat No. 43, Kampong Setia, Bandar Seri Begawan.**

**Para pendengar akan dapat mengikuti lagu2 pilehan Dayang Siti Zaiton pada hari Jumaat 10hb Nobember, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.**

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — The Young Sound with Tajul Ahmad. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. **NOON:** 12.00 — My Word (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper, (Programme 5) "Town Planning" (repeat); 9.00 — What's Wrong with me, Doctor ? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music for easy listening by Hishamudin Yaakub; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat). **NOON:** 12.00 Our Brunei. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Elvis Live Show "Elvis Back In Memphis"; 8.30 — Dr Finlay's Casebook; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15— News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — Date with Jackie Trent; 10.30 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sweet and Stylish; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. **NOON:** 12.00 — Steptoe and Son; 12.30 — News: 12.45 — "Doors to Opportunity" by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety by Jaafar Yaakub; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The General Paper (Programme 7) "Economic Planning" (repeat) **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Replies — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Dairy by Nafisah Haji Ali; 8.30 — English Debating Competition for Secondary Schools. 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — 82nd Season of Henry Wood Promenade Concerts; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round ... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. **NOON:** 12.00— English Debating Competition for Secondary Schools (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Hari Raya Festival; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat); 9.00 — Hot Question Cool Replies (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Doors To Opportunity by Jaafar Yaakub; 9.45 — Theatre Forty-Five "Lord Sky" by Carole Boyer; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sport Magazine. **NOON:** 12.00 — Top of the Pops. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me, Doctor (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Supertramp" Side 2; 8.30 — Forum by Viviyanti Ali; 9.00 — From Ticker, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# Berjaya sa-bagai Juruterbang



Lt. Zainal.

SA-ORANG lagi juruterbang yang kedua yang telah di-lateh oleh juruterbang berpengalaman dari Chawangan Udara AMDB telah berjaya menamatkan latehan penerbangan pada 2hb Oktober yang baru lalu.

Juruterbang tersebut, Lt. Zainal bin Harun telah berjaya menamatkan latehan itu yang di-mulakan sejak 29hb Mei yang lalu dengan mendapat latehan dari Kaptan Ibrahim bin Muhammad sa-orang juruterbang di-Chawangan Udara AMDB yang memegang QHI — Qualification Helicopter Instructor.

Lt. Zainal yang kini berkebolehan memandu kapal-terbang jenis 'Jet Ranger' di-samping memandu helikopter telah mula memasoki lapangan ketenteraan dengan AMDB sa-bagai rekrut pada bulan Ogos, 1975 dan tamat rekrut pada Februari, 1976 dengan menerima lantekan sa-bagai Pegawai Kadet dari Pusat Latehan AMDB.

Berusia 24 tahun, Lt. Zainal telah berkesempatan mengikut kursus penerbangan di-Sekolah Penerbangan Awam Singapura di-Lapangan Terbang Silitar dari bulan Nobember, 1977 hingga Mei, 1978 dengan mendapat kelulusan 'Pivate Pilot Licence' (PPL) yang sa-lanjut-nya mengikuti latehan intensif dari Kaptan Ibrahim di-Chawangan Udara AMDB.




# Kompeni "G" johan perlawanan berhalangan



TIGA bahagian dari Kompeni 'G' Battalion Kedua Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berjaya menggondol semua kemenangan di-tempat pertama, kedua dan ketiga dalam perlawanan berhalangan antara bahagian (Obstacle Course) yang telah di-adakan di-Perkhemahan Tutong pada 31hb Oktober yang baru lalu.

Perlawanan tersebut yang hanya terbuka untok semua bahagian battalion itu telah di-menangi oleh Bahagian 8 di-tempat pertama, Bahagian 5 di-tempat kedua dan Bahagian 4 di-tempat ketiga.

Ketiga2 gambar ini memperlihatkan askar2 sedang menunjokkan kechekapan masing2 dalam menyeberangi halangan dengan bergantong (gambar kanan). Menaiki halangan tembok batu sa-tinggi 12 kaki juga dapat memperlihatkan kechekapan askar2 berkenaan (gambar sa-belah atas), manakala gambar bawah sekali, menyeberangi halangan dengan bergayut tidak kurang menghendaki kechekapan sa-seorang anggota askar kita.



# LATEHAN TENTERA PASOKAN AMDB

LATEHAN PANDANGAN KEDUA yang akan melibatkan kesemua anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei Battalion Kedua di-Perkhemahan Tutong telah di-mulakan pada 5hb Nobember yang baru lalu dan akan berakhir pada 10hb Nobember depan.

Latehan itu yang di-jalankan di-kawasan Ulu Tutong dan Belait ada-lah merupakan sa-bahagian dari persediaan bagi menjalankan latehan tentera yang akan melibatkan keselurohan anggota Pasokan AMDB kechuali anggota2 dari Pusat Latehan dalam latehan '3X SORAK'.

Latehan yang di-adakan itu ada-lah bertujuan untok menguji peratoran peperangan dan chara2 pengawalan dan penguasaan antara Markas Battalion dengan Markas Pasokan.

Pasokan AMDB telah juga berjaya mengadakan latehan yang sama dalam 'PANDANGAN PERTAMA' yang di-adakan di-Daerah Brunei dan Muara pada 16hb hingga 20hb Oktober yang lalu oleh anggota pasokan dari Battalion Pertama, manakala bagi latehan '3X SORAK' yang akan melibatkan seluroh anggota AMDB akan di-jalankan di-seluroh negeri pada 26hb Nobember hingga 9hb Disember depan.

Kesemua latehan2 tersebut akan turut di-ambil bahagian oleh Pasokan Gurkha yang berpengkalan di-Seria yang bertindak sa-bagai pasokan musoh. Di-latehan '3X SORAK' hakim2 latehan akan di-jalankan oleh pegawai2 tentera dari unit tentera British di-Hong Kong.

Sementara itu pengambilan ke-46 dari Pusat Latehan di-Perkhemahan Bolkiah telah juga menjalankan satu latehan yang melibatkan 39 orang anggota rekrut di-satu kawasan di-Daerah Brunei dan Muara bulan Oktober lepas.

Dalam gambar yang tertera menunjokkan rekrut2 yang mengambil bahagian dalam latehan itu sedang menchari periok api yang di-katakan di-tanam di-beberapa tempat dalam kawasan latehan tersebut.

## Tamatkan perjalanan 70 batu

SERAMAI 18 dari 19 orang anggota Yunit Pulis Simpanan telah berjaya menamatkan perjalanan mereka sa-jauh 70 batu yang bermula di-Ibu Pejabat Yunit Pulis Simpanan Belait di-Panaga Rabu lalu.

Kumpolan tersebut tiba di-Ibu Pejabat di-Gadong pagi Jumaat lepas dan di-Ketuai oleh Pegawai Pemerentah Yunit Pulis Simpanan Belait, ASP Haji Seruji bin Shukor.

Salah sa-orang dari mereka telah terpaksa menamatkan perjalanan-nya di-Kuala Ungar di-Daerah Tutong di-sebabkan oleh keadaan kesihatan-nya.

Semasa latehan itu, kumpolan tersebut terpaksa berjalan di-waktu hujan lebat, panas terek, malam serta juga mendaki bukit2 dan menyeberangi kawasan2 paya dan sungai.

Ketibaan mereka pagi itu telah di-alu2kan oleh Pegawai Pemerentah Yunit Pulis Simpanan, Timbalan Penguasa Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan dan lain2 pegawai2 pulis. Yunit tersebut berharap untok menjalankan lagi latehan saperti itu di-masa2 yang akan datang.





BELIA DAN SOKAN

# TANG SOO DO DARI BRUNEI DPT PINGAT PERAK-GANGSA

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pasokan Persatuan Tang Soo Do dari Brunei telah mendapat kehormatan dengan mengondol Pingat Perak dan Gangsa serta mendapat tempat ke-empat dalam perlawanan berpasokan Tang Doo So antarabangsa yang telah di-langsongkan di-England bulan lalu.

Awang Tew King Piaw telah mendapat pingat perak sementara Father Phillip Than mendapat pingat gangsa dalam achara perseorangan dan mendapat tempat ke-empat dalam achara perpasokan.

Sa-banyak lapan buah negara mengandongi sabanyak 30 pasokan telah mengambil bahagian dalam pertandingan Tang Soo Do itu.

Persatuan Tang Soo Do Brunei telah menghantar lapan orang peserta dengan di-ketuai oleh Father Phillip Than dan turut serta, jurulateh mereka Awang Han Eung Kyo (6 DAN) yang juga telah di-lantek sa-bagai salah sa-orang pengadil dalam pertandingan tersebut.

Ini merupakan kali pertama Brunei menghantar peserta-nya ka-pertandingan Tang Soo Do Antarabangsa sejak ia-nya di-tubohkan lima tahun yang lalu.



KELIHATAN Father Phillip Than sedang menerima Pingat Gangsa dari Ketua Jurulateh Tang Soo Do Amerika, Awang Po.




KELIHATAN pasokan Tang Soo Do Brunei bergambar ramai dengan piala kemenangan berpasokan, dan kelihatan Jurulateh Tang Soo Do Brunei Awang Han Eung Kyo di-julang oleh murid2-nya.



KELIHATAN Awang Francis Young sedang menunjokkan kehandalan-nya sa-telah menewaskan peserta dari Greece dalam achara berpasokan.

## *J-Kuasa Palang Merah Br-Muara*

BANDAR SERI BEGAWAN.—Berikut ini ia-lah Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Persatuan Palang Merah Daerah Brunei/Muara bagi tahun 1978/1979 yang telah di-lantek dalam Mashuarat Agong Tahunan Persatuan tersebut yang telah di-adakan pada 22hb Oktober, 1978 yang lalu:—

Penasihat, Pgn Rohana binte Pengiran Temenggong Pgn Haji Muhammad; Pengarah, Awang Ismail bin Karim; Pengerusi, Dayang Zaharah bte Pehin OK Perdana Indera Dato Setia Awang Haji Mohd Taha; Setia Usaha, Awg Yaakub Haji Tengah; Bendahari, Awang Mirhassan bin Hj Abu Bakar; Pegawai Tata Tertib, Morni Awang Damit; Penyelia Harta Benda, Awang Osman Yussof; Pegawai Kebajikan, Zaini Sani; Penasihat Perubatan, Shari Mulok, Ali Mehong dan Majid Khan; Penshharah2, Shari Mulok (Pertolongan chemas), Zaini Sani (Pertolongan chemas), Moraini (Pertolongan chemas) dan Majid Khan (Penyelamat nyawa); Ahli Jawatan Kuasa, Awang Albert Wee, T.S. Nathan, V.U. Joseph, Haji Sirat dan Dayang Nathan dan Florence Lew.

## Kejohanan Chator terbuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Negeri Brunei, akan mengadakan Kejohanan Chator Terbuka, sempena Istiadat Menanda-tangani Tarikh Kemerdekaan Brunei, dalam bulan Disember akan datang, akan di-mulakan pada 19hb Nobember ini mulai jam 9.00 pagi (dua kali perlawanan) dan pada 26hb Nobember pada waktu yang sama (tiga kali perlawanan).

Antara sharat2 kejohanan itu ia-lah: Perlawanan itu hanya di-adakan sabanyak lima pusingan sachara 'Swiss System' dengan masa yang di-hadkan salama ½ jam tiap2 sa-orang dan sa-tiap perlawanan menggunakan 'Chess Clock'.

Perlawanan ini hanya terhad kapada 50 orang. Jika di-dapati peserta lebeh daripada 50 orang maka 'Preliminary Round' akan di-adakan dan perlawanan tersebut itu tidak boleh di-tanggohkan.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 13hb Nobember ini dan borang2 penyertaan boleh di-dapati daripada:—

Pgn Mohd Limbang bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Mohd Yusof, Pejabat Penchen, Bandar Seri Begawan; Awang Ibrahim bin Haji Ali, Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan dan Awang Somasunderam, Pusat Tingkatan Enam Jalan Muara.



AWANG Tew King Piaw di-istiharkan menang dalam pertandingan Tang Soo Do dengan menerima Pingat Perak, di-pertandingan Tang Soo Do antarabangsa yang baru lalu.

## Ahli2 Majlis BDAFA 78-79

KUALA BELAIT. — Saramai 20 orang Ahli Majlis Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Belait (BDAFA) telah di-pileh bagi tahun 1978/1979.

Keputusan tersebut telah di-ambil dalam Mashuarat Agong Tahunan BDAFA, Kali Ke-4 yang telah di-langsongkan di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada 29hb Oktober, 1978 yang baru lalu.

Mereka yang menganggotai Majlis BDAFA bagi tahun 1978/1979 itu ada-lah saperti berikut:—

Yang Dipertua, Pgn Ali Hassan bin Pgn Dato Haji Abas (di-lantek sa-mula); Naib Yang Dipertua (Pentadbiran), Awg Abd Rahman bin Kani (di-lantek sa-mula); Naib Yang Dipertua (Perlawanan), Awg Ismail bin Apong (di-lantek sa-mula); S/Usaha Agong (Pentadbiran), Awang Ahmad bin Md Hussin; S/Usaha Agong (Perlawanan), Awang Md Salleh bin Metassan; Timbalan S/U Agong, Awang Jumat bin Idris; Bendahari Kehormat, Awang Clement Chia (di-lantek sa-mula); Pendaftar, Awang Busu bin Ahmad; Pemereksa Kira2 I, Awang Hassan bin Luis; Pemereksa Kira2 II, Awang Ramlee bin Sulaiman.

10 orang J/Kuasa, Awg Hassan bin Bakar, Awang Md Zun bin Tanji, Awang Ibrahim bin Metussin, Awg Karim bin Haji Othman, Awang Wahab bin Haji Sulaiman, Awang Metussin bin Metassan, Awang Morni bin Layon, Awang Ma'aruf bin Manglan, Awang Ajimain bin Haji Abdullah dan Pgn Md Ali bin Pgn Abd Rahman.

Pelita di-fahamkan dalam memulakan aktibiti BDAFA bagi akhir 1978 ini saramai 20 orang pegawai2 dan pemain2 BDAFA akan membuat satu lawatan muhibbah ka-Miri sa-lama 3 hari ia-itu pada 10/12/78. Di-samping lawatan tersebut persatuan itu juga akan mengadakan dua perlawanan bolasepak sa-chara persahabatan dengan pasokan tempatan di-Lutong dan Miri.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. JURUTEKNIK MAKMAL/PERCHUBAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 untok di-lantek di-bawah sekim ini hendak-lah sudah menchapai umor 17 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun.

b) Chalon2 mesti-lah mempunyai empat 'O' Level. Kelulusan terdiri Bahasa Inggeris dan dua mata pelajaran sains atau lima 'O' Level dengan kelulusan terdiri dari Bahasa Inggeris dan satu mata pelajaran sains.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 3 — $395-408-421-434-446-459-472 - 491-510-529-548-567-587.

Pemohon2 yang terpileh akan di-lantek dalam perchubaan selama tiga tahun sabagai Juruteknik Makmal Perchubaan dan akan di-hantar kaseberang laut bagi menjalani latehan dalam perkhidmatan bagi pegawai2 Kerajaan.

Juruteknik Makmal Perchubaan akan di-kehendaki lulus pepereksaan ONC/OND atau sebanding dengan-nya semasa menjalani latehan dalam tempoh perchubaan mereka.

Juruteknik perchubaan yang: (a) telah lulus pepereksaan, dan (b) di-sokong oleh Ketua Jabatan mereka akan layak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

2. TUKANG TEROPONG PERCHUBAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

**Umor :**

Sekurang2-nya 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 35 tahun.

**Tugas2 :**

a) Mesti-lah mempunyai kesanggupan bertugas di-mana2 sahaja kawasan di-Negeri Brunei.

b) Mesti-lah bersedia menjalankan lain2 tugas menchegah malaria sebagaimana yang mungkin di-arahkan oleh Pengarah di-samping tugas2 yang di-sebutkan di-atas.

c) Memereksa chontoh2 darah bagi malaria dan filariasis dan membuat kerja2 makmal yang lain.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1 EB. 2-3 — $ 370-383-395-408-421 - 434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 - 784.

3. TUKANG PENGAMBIL DARAH/PEMBAGI UBAT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya.

**Umor :**

Sekurang2-nya 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 35 tahun.

**Tugas2 :**

a) Memungut chontoh2 darah bagi parasit malaria dari pesakit2 yang di-shaki dan pekerja2 yang di-datangkan ka-dalam negeri berserta dengan keluarga mereka;

b) Membahagi ubat kapada pesakit2.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523/ EB /536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Disember, 1978.

(E/207/60/Pt/3 — Bil: 126/1978)

## GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT

### TENDER NOTICE

**THE SUPPLY OF WOODFREE DUPLICATING PAPER TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1979**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon Thursday, 14th December, 1978 for :

THE SUPPLY OF WOODFREE DUPLICATING PAPER TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1979.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Only Woodfree Duplicating Papers manufactured in Japan or Korea are acceptable.

4 The required cut-size is $26\frac{1}{2} \times 33\frac{1}{4}$ and must be of 65 gsm.

5. The colour and quantity required are as follows : —

White — 1000 reams
Blue — 500 reams per colour
Green — "
Pink/Cerise — "
Yellow — "

6. All tenders must be accompanied by samples and prices must include delivery to the Government Printing Department's store at the Old Airport Building, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

7. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

8. Tenders must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and clearly marked : —

THE SUPPLY OF WOODFREE DUPLICATING PAPER TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1979.

9. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printing Department, Old Airport Building, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

10. Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**THE SUPLY OF GLAZED MECHANICAL PRINTING PAPER FOR PELITA BRUNEI FOR THE YEAR 1979**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon Thursday, 14th December, 1978 for :

THE SUPPLY OF GLAZED MECHANICAL PRINTING PAPER FOR THE PELITA BRUNEI FOR THE YEAR 1979.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Only Glazed Mechanical Printing papers manufactured in Norway, Sweden or Finland are acceptable.

4. The required cut-size is 24" x 36" and must be of 65 gsm.

5. The quantity required is 7000 reams.

6. All tenders must be accompanied by samples and prices must include delivery to the Government Printing Department's store at the Old Airport Building, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

7. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

8. Tenders must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and clearly marked : —

THE SUPPLY OF GLAZED MECHANICAL PRINTING PAPER FOR THE PELITA BRUNEI FOR THE YEAR 1979.

9. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printing Department, Old Airport Building, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

10. Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Penolong Pengawas di-Jabatan Penjara

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M Sultan untok memenohi jawatan Penolong Pengawas di-Jabatan Penjara, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan IV dalam bahasa Inggeris dan darjah IV dalam Bahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kelulusan yang tinggi.

b) Berumor di-antara 19 dan 26 tahun.

c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 4 inchi.

d) Dada sekurang2-nya 34 inchi apabila tidak di-tarek nafas.

e) Tuboh badan yang sehat dan tegap.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji P. 6 — $769-838-868-888-913-938-963 - 988-1025-1050-1075-1100 /EB/ 1125-1150-1175-1200.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Disember, 1978.

(E/291/74 — Bil: 125/1978)

## Di-Askar Melayu Diraja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-Askar Melayu Diraja, Brunei.

1. POMEN FITAR ELEKTRONIK LAUT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 22 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai Diploma atau kelulusan daripada Sekolah Pertukangan Industrial Training Institute dalam jurusan Elektronik Laut atau yang sebanding dengan-nya.

c) Mempunyai pengalaman dalam bidang Fitar Elektronik sekurang2-nya selama 5 tahun.

d) Lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

e) Boleh memahami pelan2 lukisan kejuruteraan. Chalon2 akan di-uji bagi menantukan tentang kechekapan masing2.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

2. PENGAWAS KECHIL : (Kebersehan).

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.

b) Lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

c) Mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya selama tiga tahun sebagai Pengawas Kechil atau Mandor.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523/ EB /536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Disember, 1978.

(E/1718/77 — Bil: 129/1978)

## CITY AND GUILDS TELECOMMUNICATONS TECHNICIANS COURSES

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan of Brunei (Male or Female) for entry to the undermentioned City and Guilds courses which will be commencing at the Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait, in January 1979.

**Telecommunications Technicians**

**Course T1** — 6 months full time course.

Subjects studied — Mathematics, Engineering Science, Elementary Telecommunications Practice, and English.

Entry Qualifications — Good BJCE or equivalent passes in Mathematics, General Science, Malay and English.

**Course T2** — 6 months full time course.

Subjects studied — Mathematics 'A', Telecommunications Principles 'A', Radio and Line Transmission 'A' and English.

Entry Qualifications—G.C.E. 'O' Level passes in Mathematics and Physics, or City and Guilds course 270/271 passes in 1st year (T1) subjects and industrial experience.

Application forms can be obtained from the Education Department Head Office or from the Principal of any Technical or Secondary School.

Applications should be sent to the Organiser of Technical Education, Education Department Head Office, Bandar Seri Begawan, not later than 20th November, 1978.

## BRUNEI GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT TENDER NOTICE

**THE SUPPLY OF PRINTING PAPER TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1979**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, Thursday 14th December, 1978 for the supply of paper requirements of the Government Printing Department as listed below : —

| No. | Particulars of Papers/Boards | Size | Substance | Quantity |
|---|---|---|---|---|
| | GENERAL PRINTING PAPERS | | | |
| 1 | Japanese M/F Printing (Simili) | 31 x 43" | 60gsm | 1000 Reams |
| 2 | Japanese M/F Printing (Simili) | 31 x 43" | 80gsm | 1000 Reams |
| 3 | Japanese M/F Printing (Simili) | 31 x 43" | 100gsm | 250 Reams |
| | LIGHT-WEIGHT PRINTING PAPERS | | | |
| 4 | Japanese Manifold Paper (White) | 31 x 43" | 30gsm | 250 Reams |
| 5 | Japanese Manifold Paper (Tinted) Cerise (Pink) Yellow Blue Green | 31 x 43" | 30gsm | 100 Reams per colours |
| | BOND PAPERS (WATERMARKED) | | | |
| 6 | Independence Bond (White) | 27 x 34" | 50gsm | 1500 Reams |
| 7 | Independence Bond (Tinted) Cerise (Pink) Yellow Blue Green | 27 x 34" | 50gsm | 250 Reams per colours |
| | BOARDS | | | |
| 8 | Both Sides Coated Japanese Art Boards/White | 31 x 43" | 260gsm | 750 Packets |
| 9 | Japanese Tinted Board Cerise (Pink) Yellow Blue Green Buff | 22 x 30" | 340gsm | 150 Packets per colour |
| | CARDS | | | |
| 10 | Alabaster Gold-Edge White Cards | $4\frac{1}{2}$ x 6" | 4 Sheet 260gsm | 250 Packets |
| 11 | Japanese White Card | 31 x 43" | 195gsm | 500 Packets |

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. All tenders must be accompanied by samples and prices must include delivery to the Government Printing Department's Store at the Old Airport Building, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. Tenders must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and clearly marked : —

GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT — SUPPLY OF PRINTING PAPERS.

6. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printing Department, Old Airport Building, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

7. Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# HARI PELAJAR SATU CHABARAN KPD IBU-BAPA

Dari muka 1

pelajaran ada-lah merupakan pelaboran yang memerlukan kebolehan dan keazaman manusia.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan berkata lagi, pelajaran mempunyai berbagai sifat dan dalam semua bidang ia-nya bertujuan mengubah dan membaiki sikap yang pada hakikat-nya ada-lah sama mustahak-nya dengan menghasilkan kemahiran dan kepandaian.

"Kalau kita menyukat taraf pelajaran semata2 dari segi peruntokan kewangan atau kemudahan2 yang di-sediakan, maka kita akan menemui jalan buntu dalam penyukatan kita itu, perkara ini ada-lah tidak ubah dari kita menyerahkan masa depan anak2 kita kapada nasib—untong sabut timbul — untong batu tenggelam", tambah-nya.

Menyentoh keinginan masharakat kita yang sering meminta supaya dermasiswa dan kemudahan2 pelajaran yang lain chepat di-keluarkan, sekolah2 yang kukoh perlu di-bangunkan dan pusat pengajian tinggi segera di-dirikan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bertanya, ada-kah kita biasa menilai tentang pembayaran dan tanggong-jawab kita kapada segala kemudahan yang telah di-berikan itu ? Apa-kah peranan kita terhadap sekolah yang telah di-bangunkan dan dasar pelajaran yang telah di-sediakan itu ?

Untok itu Dato Setia Awang Abdul Rahman mengingatkan bahawa kita tidak sepatut-nya mengharapkan untok mendapat kemudahan demi kemudahan tanpa kita menilai sendiri dan memberikan sumbangan kita dalam menjayakan apa yang sudah di-sediakan.

Kerana itu thema Hari Pelajar tahun ini beliau sifatkan sa-bagai satu chabaran kapada ibu-bapa, penjaga murid, guru dan seluroh anggota masharakat dengan penoh persefahaman, kesanggupan dan ketabahan memberikan sumbangan dan kebaktian pada menjadikan semua kemudahan2 penanaman modal itu untok mendapat keuntongan yang sebanyak-nya bagi kepentingan negara dan bangsa kita jua.



Dato Setia Awang Abdul Rahman ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Hari Pelajar 1978 di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Ahad lalu.

# KURSUS AMALI AL-KOR'AN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Gabongan Pelajar2 Dewasa Kor'an Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Bomba, Jabatan Pelajaran dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan akan menganjorkan satu Kursus Amali Al-Kor'an sa-lama lapan hari.

Kursus yang akan bermula pada 24hb Nobember ini adalah terbuka kapada pelajar2 kelas2 dewasa Kor'an, persatuan2 belia dan kebajikan, penuntut2 Maktab dan sekolah2 menengah serta pegawai2 dan kakitangan Kerajaan di-seluroh negeri.

Kursus yang julong2 kalinya di-anjorkan itu bertujuan untok menambahkan pengetahuan dalam bidang pembachaan Al-Kor'an di-kalangan pelajar2 Al-Kor'an dan akan di-kendalikan oleh sa-orang pakar membacha Al-Kor'an dari Malaysia, Tuan Haji Hassan Azahari.

Sa-masa kursus, peserta2 akan di-ajar chara pembachaan Kor'an yang betul termasok seni lagu. Cheramah2 mengenai Al-Kor'an juga akan di-sampaikan oleh pencheramah2 undangan.

Peserta2 yang berminat untok mengikuti kursus tersebut boleh-lah mendapatkan borang penyertaan dari Awang Wahabi bin Metussin di-Jabatan Pasokan Bomba, Bandar Seri Begawan dan Awang Haji Abdullah bin Haji Bungsu di-Dewan Bahasa dan Pustaka. Borang2 yang telah di-isikan hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb Nobember, 1978.

# Laporkan kelahiran dan kematian dengan segera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pendaftaran Beranak dan Mati mengingatkan orang ramai bahawa undang2 pendaftaran beranak dan mati menghendaki sa-suatu kelahiran hidup itu supaya di-daftarkan dalam masa 14 hari dari tarikh lahir anak itu. Orang2 yang bertanggong-jawab mendaftarkan kelahiran itu ia-lah ayah, ibu atau penghuni rumah yang mengetahui akan kelahiran itu. Pendaftaran kelahiran itu hendak-lah di-buat kapada Timbalan Pendaftaran di-kawasan kelahiran itu berlaku.

Bagi kematian pendaftaran hendak-lah di-buat dalam tempoh 12 jam sa-lepas kematian berlaku. Ada-lah menjadi tanggong-jawab penghuni rumah atau saudara mara si-mati yang mengetahui sa-benar-nya. Semua kematian yang berlaku di-luar dari hospital2 ia-itu kematian yang berlaku di-kampong hendak-lah apabila di-daftar disertakan dengan surat akuan dari ketua kampong. Jika si-mati pernah ka-hospital samasa hidup-nya kad rawatan-nya hendak-lah di-bawa bersama apabila mendaftar.

Jika orang2 yang bertanggong-jawab itu gagal tanpa sebab2 yang munasabah untok mendaftarkan kelahiran atau kematian dalam tempoh yang di-tetapkan mereka ada-lah didapati bersalah dan jika thabit kesalahan-nya boleh di-denda tidak lebeh dari $50.00.

# *Lawatan muhibbah belia2 kita ka-Sarawak*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai 40 orang belia dari Majlis Belia2 Negeri Brunei yang di-ketuai oleh Yang Dipertua-nya, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif di-jadualkan bertolak ka-Kuching pada hari ini untok mengadakan lawatan muhibbah ka-Sarawak.

Lawatan sa-lama lima hari itu di-anjorkan oleh MBB dan sa-masa berada di-sana, mereka akan menjadi tetamu Kementerian Kebudayaan Belia dan Sokan Sarawak.

Mengikut jadual yang telah di-ator, pelawat2 dari Brunei itu akan di-rai'kan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan pada malam ini.

Pagi esok, mereka akan mengadakan kunjongan kehormatan terhadap Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak sementara di-sebelah petang-nya pula mereka akan mendengar taklimat di-Komplek Kementerian Petra Jaya.

Pada hari Jumaat mereka akan mengadakan lawatan ka-Pusat Seberkas di-mana mereka akan mendengar taklimat mengenai dengan kegiatan2 pertubohan tersebut.

Pada hari Sabtu pelawat dari Brunei itu akan bersama2 menunaikan Sembahyang Hari Raya Haji di-Mesjid Besar Kuching. Mereka kemudian-nya akan di-bawa melawat ka-Kampong Gersik, Gita, Muda Hashim dan Sinjam.

Sa-lain dari membuat lawatan2 ka-beberapa tempat yang menarek, mereka juga akan mengadakan beberapa perlawanan bola sepak dan sepak takraw sa-chara persahabatan dengan pasokan2 tempatan.

Rombongan tersebut di-jadualkan kembali ka-Brunei pada hari Ahad 12hb Nobember.

Dari muka 1

mengambil tempat yang terpenting dalam kehidupan harian bermasharakat dan sa-bagai satu imej penting selaku masharakat membangun.

Tetapi akhir2 ini, taraf pemberseh yang di-tunjokkan begitu tinggi di-sepanjang minggu kesihatan itu telah di-chemari semula oleh perbuatan sa-tengah2 orang yang degil untok menjadikan diri mereka sa-bagai anggota masharakat yang pemberseh.

"Sampah-sarap sekali lagi di-buang di-tepi2 jalan terutama-nya di-sepanjang Jalan Mabohai", kata-nya.

Kapada mereka yang melakukan perbuatan itu, beliau berseru supaya akan dapat menggunakan tempat pembuangan sampah yang telah di-sediakan di-kawasan itu.

Kapada seluroh masharakat negeri ini beliau mengingatkan agar semangat yang di-tanamkan oleh Minggu Kesihatan itu akan benar2 dapat di-patohi demi untok kepentingan kesihatan dan demi untok menentukan yang keadaan sekitar Brunei tidak chemar.

"Semangat itu akan terus di-pupok di-sepanjang kehidupan kita", demikian harapan beliau.

# Darah Group 'O' di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tabong Darah Negeri Brunei telah berjaya mengutip 11 pint darah Group 'O' dari 11 orang penderma pada hari Sabtu lalu. Penderma2 itu ia-lah tujoh orang dari Jabatan Muzium Brunei, tiga dari Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara dan sa-orang dari Pasokan Bomba.

Pegawai Simpanan Darah Brunei, Awang Adnan bin Bakar menguchapkan terima kaseh kapada mereka yang telah mendermakan darah tersebut. Beliau berkata darah jenis tersebut ada-lah sangat2 di-perlukan dan orang ramai yang ingin mendermakan darah mereka boleh-lah berhubong dengan beliau.

Dari muka 1

"Sa-hingga ini Brunei telah dapat melahirkan sa-ramai kira2 90 orang siswazah dalam berbagai bidang, 113 orang mempunyai kelulusan diploma dan kelulusan iktisas lain-nya dalam beraneka aspek pelajaran, juga mempunyai 396 orang penuntut yang sedang mengikuti pengajian di-luar negeri berada di-United Kingdom, Singapura, Australia dan Kanada", tambah Awang Haji Abu Bakar.

Pemangku Pengarah Pelajaran seterus-nya merasa yakin, bahawa dengan peruntokan pelajaran yang begitu banyak dan semakin bertambah kita tentu-nya berjaya melahirkan tenaga pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran di-samping mempunyai peribadi yang mulia dan luhor, aspirasi pendidekan kita ia-lah untok mendapatkan satu jenerasi yang terpelajar dan terdidek.

Awang Haji Abu Bakar berseru, dalam menchapai tujuan demikian kerjasama semua pehak sangat2-lah di-perlukan; murid dan penuntut perlu-lah menyedari tugas dan tanggong-jawab sa-bagai penuntut dengan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, guru sa-bagai teras dan pelaksana sistem pendidekan mesti-lah menanai amanah untok membentok satu masharakat yang terpelajar dan terdidek dan ibu-bapa perlu-lah mengambil perhatian berat dan memaduli hal ehwal pelajaran anak2 mereka.

"Bangunan sekolah2 baharu yang indah tersergam, padang permainan yang luas terbentang serta bangunan2 yang indah menjunam ka-angkasa tidak lain dari perkembangan2 yang hanya berupa kemajuan dan perkembangan fizikal, dia tidak akan mempunyai makna dan tidak akan tahan lama jika orang2 yang mendiami-nya, orang2 yang di-kehendaki oleh satu bangsa yang mahu membangun dan berdiri sendiri", tegas Awang Haji Abu Bakar.

Terdahulu dari itu Pemangku Pengarah Pelajaran menjelaskan antara tujuan Hari Pelajar di-adakan ia-lah untok memberikan kesempatan ibu-bapa dan penjaga serta orang ramai untok mendampingkan diri dengan sekolah, memerhati kemundoran dan kemajuan anak2 sa-chara lebeh dekat serta membinchangkan hal ehwal pelajaran anak2 mereka dengan pehak sekolah.

# Tiga orang pegawai hadhiri sidang di-Sri Lanka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai kanan Kerajaan telah berlepas ka-Sri Lanka pada hari Sabtu lalu untok menghadhiri Sidang Mengenai Ajensi Undang2 Dadah yang di-adakan di-Colombo.

Mereka ia-lah terdiri dari Pengawal Imigeresen, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd Daud; Penolong Penguasa Pulis, Awang Mohd Yakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Haji Zainal dan Penolong Penguasa Kastam, Awang Yusof Agaki bin Ismail.

Sidang kali kelima itu berlangsong sa-lama enam hari mulai hari Isnin minggu ini dan di-hadhiri oleh perwakilan2 dari 20 buah negara di-Asia termasok Australia, Hong Kong, New Zealand, Jepun, Indonesia, India dan Bangladesh. Sidang itu juga di-hadhiri oleh para pemerhati dari Lembaga Kawalan Narkotik Antarabangsa, Biro Ranchangan Colombo dan Majlis Perbadanan Kastam.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.